



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

## **Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester 2, Sesi Akademik 2015/2016**

### **Kertas Soalan Peperiksaan**

<b>Kod Kursus</b>	<b>: LS 5305</b>
<b>Nama Kursus</b>	<b>: Civil Procedure in Shariah Court</b>
<b>Peringkat Kursus</b>	<b>: Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang(LL.B)&amp; Ijazah Sarjana Muda Syariah(BSL)</b>
<b>Masa</b>	<b>: 2 jam</b>

#### **Rujukan dibenarkan:**

Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005

#### **Nota :**

Jawab **EMPAT** soalan dari soalan-soalan berikut.

بسم الله الرحمن الرحيم

### **Soalan Pertama (15 markah)**

Bab 42 (1) dari Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah memperuntukkan:

“Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, penyampaian apa-apa saman atau dokumen lain hendaklah kepada diri orang itu sendiri dan hendaklah dilaksanakan dengan menyerahkan saman atau dokumen lain itu, atau dengan mengemukakannya untuk diperiksa dan menyerahkan salinan saman atau dokumen lain itu, kepada orang yang kepadanya saman atau dokumen lain itu hendak disampaikan”

- a) Sila jelaskan secara terperinci apakah prosedur apabila Mahkamah berpuas hati bahawa atas apa-apa alasan yang mencukupi saman atau dokumen lain tidak dapat disampaikan secara biasa?
- b) Berapa hari bagi sesuatu saman dan notis disampaikan sebelum tarikh kehadiran di Mahkamah?
- c) Apakah kesan ketidakhadiran pihak-pihak?

### **Soalan Kedua (15 markah)**

Misha dan Ashraf telah bernikah berdasarkan hukum Syara' pada 01 Januari, 2010. Usia perkahwinan pihak-pihak telah mencapai 6 tahun lamanya. Mereka merupakan pasangan bahagia selama 4 tahun perkahwinan. Tidak lama kemudian, Ashraf mula menunjukkan perangainya yang sebenar, semuanya bermula apabila mereka dikurniakan anak lelaki mereka bernama Danial Shukri yang lahir pada 05 Februari, 2013. Ashraf merasakan kanak-kanak adalah menyusahkan. Dia cepat marah dan akan memukul Misha untuk melepaskan kemarahannya. Disebabkan sikap barannya, Misha takut untuk meminta wang untuk membeli susu untuk Danial dari Ashraf. Misha selalu kesuntukan wang tetapi takut untuk meminta dari Ashraf bimbang kalau ia mendatangkan

kemarahan Ashraf. Pada 08 Mac, 2015 kira-kira jam 5.00 petang, Misha amat terdesak lalu menghubungi ibunya untuk menghantarkan wang kepadanya. Ashraf terdengar perbualan Misha dengan ibunya, lalu bertindak ganas mengheret Misha dan memukul serta menampar kedua-dua pipi Misha. Akibat daripada pukulan tersebut, badan serta muka Misha lebam-lebam. Kerana tidak tahan lagi dengan tindakan ganas Ashraf, Misha terus lari dari rumah membawa anaknya bersama kerana takut dipukul lagi oleh Ashraf.

- a) Awda dilantik sebagai Peguam Syar'ie Misha, sila jelaskan proses yang dilakukan sebelum menghadiri sebarang perbicaraan di Mahkamah Syariah.
- b) Awda juga dikehendaki mendraf Pernyataan Tuntutan dengan melihat fakta kes yang telah diberikan.

### **Soalan Ketiga (15 markah)**

Ali telah menghadapkan Permohonan Pengesahan Hibah di Mahkamah Rendah Syariah untuk mengesahkan 3 keping tanah yang diberikannya sebagai hibah kepada 2 orang anak perempuannya. Walau bagaimanapun permohonan Ali telah ditolak oleh Mahkamah Rendah Syariah. Ali tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim Mahkamah Rendah Syariah lalu merayu kepada Mahkamah Tinggi Syariah terhadap keputusan Mahkamah Rendah Syariah.

- a) Sila jelaskan prosedur rayuan daripada Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah.
- b) Senaraikan dokumen-dokumen yang perlu ada di dalam Rekod Rayuan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005.

### **Soalan Keempat (15 markah)**

Afidavit menurut Kamus Undang-Undang bererti:

“Kenyataan sumpah bertulis digunakan untuk menguatkan permohonan dan dalam keadaan tertentu sebagai keterangan dalam prosiding Mahkamah. Orang yang membuat afidavit mesti bersumpah atau berikrar di hadapan orang yang diberi kuasa menerima sumpah yang berkaitan dengan afidavit tertentu bahawa isi kandungan itu adalah benar”

- a) Sila drafkan satu Afidavit Sokongan dengan memilih satu kes yang diperuntukkan di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217.

### **Soalan Kelima (15 markah)**

Sila berikan tafsiran bagi frasa berikut:-

- a) Hukum Syara'
- b) Madin penghakiman
- c) Orang yang tidak berkeupayaan
- d) Terjemahan diperakui